

1. MAKLUMAT BAHAN

- a. **Judul : RAWATAN DIABETES**
- b. **Pengarang : PROF. DR. AB. AZIZ AL-SAFI ISMAIL & PN. SHAREEN NUI**
- c. **Penerbit : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**
- d. **Tempat terbit : KUALA LUMPUR**
- e. **Tahun terbit : 2014**
- f. **ISBN : 9789834611255**
- g. **Harga : RM8.00**
- h. **Bilangan mukasurat : 99**



**Profesor Dr.
Ab. Aziz Al-Safi
Ismail**

Profesor Dr. Ab. Aziz Al-Safi Ismail dilahirkan di Pasir Puteh, Kelantan. Lulusan jurusan bidang perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia, dan menyambung pengajian di peringkat sarjana dalam bidang Perubatan Masyarakat pada 1990. Beliau memperoleh latihan kepakaran dalam bidang diabetes sehingga peringkat Doktor Falsafah di Liverpool, England, pada tahun 1998.

Beliau bertugas sebagai Pensyarah di Jabatan Perubatan Masyarakat dan Pakar Perunding Diabetes di Pusat Diabetes Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kelantan. Semangatnya yang tidak pernah padam dalam memberikan khidmat kepada pesakit diabetes dapat dilihat apabila beliau menjadi penggiat utama di dalam Persatuan Diabetes Malaysia (PDM).

Profesor Dr. Ab. Aziz Al-Safi Ismail aktif menjalankan kajian dan menghasilkan jurnal penulisan berkaitan diabetes, sindrom metabolik, obesiti di peringkat kebangsaan dan Antarabangsa.



**Puan Shareen
Nui**

Puan Shareen Nui telah dilahirkan pada Mei 1966 di Kota Bharu Kelantan. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Chabang Empat Tumpat Kelantan dan Sekolah Menengah Tumpat. Pada tahun 1986 beliau mengikuti kursus asas dalam bidang kejururawatan di Hospital Universiti, Universiti Malaya. Setelah tamat kursus, beliau kembali bertugas di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan. Pada tahun 1998, beliau mengikuti kursus Diploma Pengkhususan dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) di Universiti Sains Malaysia dan meneruskan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sains Kesihatan Kejururawatan pada tahun 2000.

Beliau bertugas di Pusat Diabetes (HUSM), bertanggungjawab memberikan pendidikan kepada pesakit dan keluarga, pelajar sarjana, sarjana muda perubatan, kejururawatan, dietetik dan pelajar dari institusi pengajian tinggi swasta berkaitan pengurusan penyakit diabetes. Beliau turut bergiat aktif dalam Persatuan Diabetes Malaysia Cawangan Kelantan.

2. ULASAN ISI KANDUNGAN BAHAN

a. Penceritaan mengenai ringkasan isi kandungan bahan

Ngeri apabila membayangkan keadaan kaki yang sudah kritikal dan perlu dipotong akibat penyakit Diabetes atau kencing manis yang tidak terkawal. Adakah anda mengetahui istilah 'Hipoglisemia' atau 'Hiperglisemia'?


Sedikit petikan daripada buku ini di mukasurat 2 menyatakan "Sekiranya terdapat gula yang berlebihan dalam darah, gula tersebut bertukar menjadi racun kepada badan dan saluran darah lalu menjejaskan fungsi jantung, mata, saraf dan buah pinggang".

Fakta ini sudah cukup membayangkan bahawa Diabetes tidak boleh dipandang ringan dan dilabel sebagai penyakit kronik yang mampu membawa maut.

Sekali imbas paparan kulit muka hadapan buku mirip buku resepi dengan lelehan madu dan hidangan buah-buahan serta susu sebagai pelengkap selera. Cantik.. berwarna-warni. Namun, ia bukan seperti yang disangka.. buku berjudul RAWATAN DIABETES ini yang sederhana saiznya bukan sahaja menarik di luar malah cukup bermanfaat pengisiannya untuk pembaca.

Tidak dinafikan terdapat mukasurat yang cukup menginsafkan kita agar lebih berhati-hati memilih makanan kerana akibatnya yang menyakitkan.

- Bab 1 : Pengenalan
- Bab 2 : Pemakanan Pesakit Diabetes
- Bab 3 : Senaman dan Kawalan Diabetes
- Bab 4 : Ubat Pesakit Diabetes
- Bab 5 : Suntikan Insulin
- Bab 6 : Komplikasi Diabetes
- Bab 7 : Penjagaan Kesihatan Diabetes
- Bab 8 : Kisah Benar "Jangan Potong Kaki Saya"



Ulser di bahagian kaki akibat diabetes.



Amputasi, kaedah pembedahan bahagian kaki sehingga ke paha dilakukan untuk mengelakkan kerosakan saraf merebak ke bahagian lain.

2. ULASAN ISI KANDUNGAN BAHAN

b. Jenis penulisan yang baca – keagamaan, santai, satira, epic, romantik, komedi, dll.

- **SKOP KESIHATAN**

c. Sasaran pembaca

- **SEMUA GOLONGAN DEWASA
TERUTAMA PESAKIT DIABETES**

d. Penyampaian penulis mudah difahami / sukar

- **MUDAH DIFAHAMI**

e. Pengajaran / kebaikan penulisan

- **MAKLUMAT**
- **MENARIK**
- **MENGINSAFKAN**

f. Kenapa bahan berkenaan dipilih untuk diulas

- **BERKAITAN DENGAN DIRI SENDIRI**



3. KELEBIHAN / KEKURANGAN

a. Font yang digunakan

- **SAIZ SEDERHANA BESAR**
- **MUDAH DIBACA – HITAM, PELBAGAI WARNA BAGI TEKS YANG INGIN DITONJOLKAN**

b. Gaya penulisan

- **TOPIK SETIAP BAB RELEVAN SEBAGAI PANDUAN LENGKAP**
- **BAHASA LAYMAN**
- **MUDAH DIFAHAMI**
- **DIRECT TO THE POINT**

c. Bahasa yang digunakan

- **BAHASA MALAYSIA**
- **ISTILAH PERUBATAN**

d. Fizikal bahan


- **BERSAIZ SEDERHANA (KETINGGIAN 22.5CM, LEBAR 15CM)**
- **HANDY – RINGAN**
- **PAPERBACK**
- **KERTAS LICIN – HELAIAN HALAMAN MUDAH DIBUKA**

e. Ilustrasi / imej

- **FRONT COVER – GAMBAR CANTIK**
- **GAMBARAJAH, JADUAL – DIPAPARKAN DENGAN KEMAS**

f. Lain-lain

- **SINDIRAN TAJAM – PENUH MAKNA**
- **KISAH BENAR – SEDIH, MENAKUTKAN DAN BANYAK PENGAJARAN**
- **FIRMAN ALLAH – SURAH AL-BAQARAH, 195 – PERINGATAN ALLAH – MENJAGA DIRI**



QS. Al-Baqarah Ayat 195

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

195. Dan infakkanlah (hartamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu jatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuatbaiklah. Sungguh, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.



4. RATING BAHAN YANG DIBACA :

1-PALING LEMAH, 10-PALING MENARIK

- 10 - PALING MENARIK

SEBAB SAYA TIDAK JEMU MEMBACANYA WALAUPUN SUDAH BERKALI-KALI SAYA MERUJUK ISI KANDUNGAN DI DALAMNYA.

TERIMA KASIH